

KES MAHKAMAH TRIBUNAL NO: T. 49 - 2010

DI ANTARA

ISHAK BIN KAMARUDDIN

PEMOHON

DENGAN

KOPERASI KOBARU BERHAD

RESPONDEN

DI HADAPAN:

PENGERUSI TRIBUNAL:

PUAN TAN GHEE PHAIK

ANGGOTA PANEL SKM:

TN HJ IBRAHIM BIN HAJI KASAH

ANGGOTA PANEL KOPERASI:

TUAN MD ZIN BIN ABDULLAH

Alasan Award (Minoriti)

Pengenalan

Ishak bin Kamaruddin (disebut 'Pemohon' selepas ini) telah mengemukakan rujukan pertikaian di bawah seksyen 82(1), Akta Koperasi 1993 (Akta) kepada Tribunal Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui BORANG A yang telah didaftarkan pada 3.03.2010 dan menamakan Koperasi Kobaru Berhad sebagai Responden (disebut 'Responden' selepas ini).

Daripada BORANG A, Pemohon memohon remedi-remedi berikut:

- i. Penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga pada 14.09.2008 di Mesyuarat Anggota Lembaga Khas diperintahkan sebagai tidak sah dan kedudukan Pemohon sebagai Anggota Lembaga seperti *status quo* disahkan;
- ii. Kelakuan Pemohon bukan satu kesalahan terutama dalam Mesyuarat Agung Perwakilan pada 2.06.2008;

- iii. Membatalkan pelantikan Puan Shamsinah binti Suparman; dan
- iv. Pemecatan beliau sebagai Anggota Lembaga pada 29.06.2009 di Mesyuarat Agung Perwakilan diperintah sebagai tidak sah, dan beliau dikembalikan sebagai anggota Lembaga.

Pihak Koperasi sebagai Responden telah menfailkan BORANG B bagi menyangkal dakwaan-dakwaan Pemohon di samping menyatakan bahawa penggantungan Pemohon sebagai anggota Lembaga dan susulan pengesahan pemecatan Pemohon sebagai anggota Lembaga adalah wajar dan sah.

Tribunal Koperasi telah menetapkan tarikh perbicaraan pada 12.05.2010 disambung bicara pada 21.05.2010, 22.06.2010, 23.06.2010 dan 24.06.2010. Perbicaraan kes ini telahpun berjalan sebagaimana yang ditetapkan. Selepas kedua-dua pihak selesai mengemukakan kes masing-masing, Pengerusi Tribunal telah memberi masa kepada kedua-dua Pemohon dan Responden untuk mengemukakan Penghujahan Bertulis. Bahagian Tribunal telah menerima Penghujahan Bertulis Pemohon dan Responden. Berikutan itu, Bahagian Tribunal telah menetapkan tarikh hujahan oleh kedua-dua pihak pada 6.08.2010 dan keputusan kes rujukan pertikaian ini pada hari ini, 26.11.2010.

Fakta Kes

Rentetan peristiwa Pemohon sebagai perwakilan seperti berikut:

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan telah diadakan pada 2.06.2008 dengan kehadiran seramai 26 orang wakil Kawasan termasuk Pemohon bagi mewakili Kawasan 'A'. **(Rujuk R16 ms 163)** Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Zainuddin bin Uda Ibrahim setelah dibuat pelantikannya secara sebulat suara. Semasa pembentangan agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan, Pemohon telah mengambil bahagian dalam perbahasan iaitu:

- i. Agenda 4: Menerima Laporan Penyata Kewangan 2007.

Pemohon telah menyuarakan beberapa persoalan kepada anggota Lembaga berkenaan dengan kedudukan perniagaan kedai yang kerugian

dan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 oleh Tetuan Halim Ahmad & Co berkenaan inventori dan ulasan Juruaudit di P2 ms 133 seperti berikut:

“Kami tidak dapat memastikan kesaksamaan kuantiti dan nilai bagi inventori berjumlah RM107,473.25 pada 31 Disember 2007. Jumlah kuantiti dan nilai inventori diambikkira berdasarkan kiraan inventori yang dibuat oleh pihak pengurusan dan tidak dapat dihadiri oleh pihak kami. Berdasarkan perkara tersebut kami tidak dapat memberikan pendapat terhadap nilai bawaan inventori tersebut”

Pemohon menegaskan (Rujuk P2 ms 92):

“...Juruaudit luar telah menegur ALK dengan menggunakan bahasa yang halus mengenai inventori yang hilang berjumlah RM107,473.25. Kedai kita rugi berterusan dari itu pengurusan koperasi tidak bersih dan tidak cekap. Ini satu permainan”

Setiausaha, Tuan Haji Ahmad bin Ghani telah memberikan jawapan-jawapan kepada persoalan tersebut dan akhirnya beliau mencadangkan Agenda 4 ini ditangguhkan dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas ditetapkan kemudian untuk membentangkan agenda tersebut.

ii. Agenda 8: Menimbang Usul-Usul Anggota yang telah Diterima 5 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan atau Usul Anggota Lembaga.

Lembaga telah mengemukakan Usul seperti Lampiran 'A'. Pemohon telah mempertikaikan pembelian bangunan kedai di Taman Jaya sebanyak RM225,000.00 dan pihak anggota Lembaga (Pengerusi dan Setiausaha) telah menyampaikan ulasan-ulasan berkenaan pembelian bangunan tersebut. Pemohon mencadangkan satu jawatankuasa Khas ditubuhkan dan anggota Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini.

iii. Agenda 9: Melantik 3 orang Anggota Lembaga.

Pemohon telah dilantik sebagai anggota Lembaga dengan undi

terbanyak (24 undi). Anggota perwakilan yang lain dilantik adalah Pn Faridah binti Ibrahim dan Tuan Hj. Kamaruddin bin Long.

Mesyuarat Anggota Lembaga Khas (Selepas Mesyuarat Agung Perwakilan Tahun 2008) telah diadakan pada 3.06.2008. **(Rujuk R16 ms 189)** Mesyuarat membuat pelantikan Pegawai-pegawai Koperasi seperti berikut:

- i. Pengerusi – Tn Hj. Kamaruddin @ Mohamed Latib bin Long
- ii. Setiausaha – Tn Hj. Ahmad bin Ghani
- iii. Bendahari – Tn Hj. Samiyah @ Shahadan bin Mat

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan – Tahun 2008 telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentuan Draf Minit yang bermesyuarat pada 28.06.2008

Mesyuarat Anggota Lembaga ke 47 (kali Pertama Penggal 2008-2009) (Rujuk R16 ms 197) telah diadakan pada 14.07.2008. Mesyuarat telah membincangkan tentang maklumbalas mengenai minit Mesyuarat Agung perwakilan dan mengambil keputusan berkenaan pelantikan Jawatankuasa Khas iaitu:

- i. Y.Bhg Dato Alias bin Abdul;
- ii. Tn Hj. Hajali bin Hj Maarof;
- iii. Dr. Hafeza bt Hj Ahmad;
- iv. Cik Wan Suhaini bt Wan Said;
- v. En Hamdan b. Sawoji;
- vi. Tn Hj Ishak bin Kamaruddin (Pemohon) – kelulusan mesyuarat.

Dan Mesyuarat Agung Perwakilan Khas dipersetujui untuk diadakan pada 3.08.2008.

Mesyuarat Agung Perwakilan Khas telah diadakan pada 3.08.2008 **(Rujuk P2 ms 115)** Pemohon dan anggota Koperasi telah memberikan pendapat dan cadangan ke atas akaun 2007. Mesyuarat telah mengambil keputusan untuk menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan bagi akaun teraudit berakhir 31 Disember 2007.

Rentetan penggantungan dan pemecatan Pemohon.

Responden telah mengeluarkan surat/notis Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Khas bertarikh 2.09.2008 (**Rujuk P2 ms 62**) kepada semua anggota Lembaga Koperasi termasuk kepada Pemohon dan memaklumkan mengenai tarikh mesyuarat pada 14.09.2008, masa 10.20 pagi bertempat di Dewan Mini Kobaru, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Agenda:

Bagi membincangkan perkara **tindakan tatatertib** perlu diambil terhadap Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin N/A: 47 (ALK) atas perkara-perkara di bawah:

- a) Surat beliau bertarikh 13.08.2008, 15.08.2008 dan 21.08.2008
- b) Mengaku menjadi Ahli Jawatankuasa Penentu Sah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2008 sedangkan namanya tidak tercatat.
- c) Mengatakan Anggota Lembaga Koperasi 2007 sebagai rasuah dan akan mengambil tindakan serta membawa kes ke BPR dan SKM serta menganggap Anggota Lembaga Koperasi 2007 ada permainan dalam menyediakan akaun 2007

Pemohon telah mengemukakan surat (**Rujuk P1 ms 63**) meminta penjelasan kepada Setiausaha Responden bertarikh 8.09.2008 berkenaan dengan P2 ms 62 (Notis mesyuarat) terutamanya berkenaan dengan:

- i. Peruntukan dalam Akta dan UUK bagi tindakan tatatertib
- ii. Kuasa Lembaga untuk mengambil tindakan tatatertib
- iii. Menjelaskan kesalahan yang dilakukan yang melanggar Akta atau UUK
- iv. Taksiran kerugian Responden atas salahlaku yang didakwa atau taksiran kemudaratan kepentingan Responden

Responden telah memberikan surat balasan kepada Pemohon bertarikh 8.09.2008 (**Rujuk P1 ms 66**) Surat ini tanpa menjelaskan perkara-perkara yang diminta oleh Pemohon dan hanya meminta supaya hadir.

Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi Khas telah diadakan pada 14.09.2008 sebagaimana minit mesyuarat. (Rujuk P2 ms 9) Agenda yang dinyatakan adalah:

“Membincangkan perkara Tindakan Tatatertib perlu diambil terhadap Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin (N/A 47) ALK atas perkara-perkara di bawah. (Seperti Salinan Notis Mesyuarat di dalam Lampiran ‘A’)” iaitu:

- i. Notis Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Khas bertarikh 2.09.2008
- ii. Surat-surat Pemohon bertarikh 13.08.2008, 15.08.2008, 21.08.2008 atas tajuk Taklimat Perniagaan Baru.
- iii. Lampiran B:
 - a. Kertas Mesyuarat yang menjelaskan pertuduhan kepada Pemohon serta beberapa isu lain yang ditimbulkan oleh Responden berkenaan dengan keanggotaan anggota Pemohon, menjelaskan secara terperinci bagi kesalahan Pemohon
 - b. Surat-surat jawapan bertarikh 14.08.2008 dan 20.08.2008 berkenaan tajuk Taklimat Pernaigaan Baru kepada surat Pemohon dan surat Pemohon bertarikh 27.06.2008 berkenaan dengan Jawatankuasa Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung dan salinan surat Mesyuarat Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan – Tahun 2008

Pada mesyuarat tersebut, semua anggota Lembaga telah hadir (8 orang) termasuk seorang pemerhati, Hajjah Hanisah bt Awang. Pemohon telah diberikan peluang untuk membela diri atas pertuduhan yang dinyatakan. Keputusan secara undian adalah:

- i. 4 ALK menyokong tindakan diambil; dan
- ii. 3 ALK yang tidak bersetuju

dan dengan secara majoriti mesyuarat membuat keputusan:

“Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin digantung jawatan (ALK) sepanjang tempohnya”

Responden telah mengeluarkan surat/notis bertarikh 20.06.2009 (**Rujuk P1 ms 91**) menjemput Pemohon untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan 2009

pada 29.06.2009 dengan mengepilkkan Kertas Khas berkenaan dengan “Perihal Penggantungan Jawatan Sebagai Anggota Lembaga Kobaru ke atas Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin oleh Mesyuarat Khas ALK pada 14.09.2008.”
(Rujuk R16 ms89)

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan telah diadakan pada 29.06.2009 **(Rujuk R16 ms 72)** dan dihadiri oleh:

- i. anggota Lembaga seramai 9 orang;
- ii. Wakil-Wakil Kawasan seramai 12 orang;
- iii. Jawatankausa Audit Dalaman seramai 3 orang; dan
- iv. Pemohon

Mesyuarat telah menetapkan agenda penggantungan Pemohon sebagai Agenda 3: Membincangkan Perihal Penggantungan Jawatan Anggota Lembaga Saudara Tuan Haji Ishak bin Kamaruddin (Kertas Khas)

Semasa agenda dibentangkan, Pemohon telah diberi peluang untuk memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Kertas Khas **(Rujuk R16 ms 89)** Beberapa orang perwakilan dan anggota Lembaga juga telah memberikan pendapat dan ulasan mengenai kes penggantungan Pemohon. Mesyuarat telah membuat undian secara angkat tangan dengan keputusannya:

- i. 15 orang undi menyokong cadangan anggota Lembaga;
- ii. 1 orang undi tidak menyokong;
- iii. 5 orang tidak mengundi dan dinyatakan Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi dan 4 dianggap berkecuali

Keputusan mesyuarat adalah:

“Saudara Ishak bin Kamaruddin digantung jawatannya sebagai anggota Lembaga selama satu penggal.”

Pandangan Ahli Panel SKM

Ahli Panel SKM mendapati beberapa isu penting yang perlu diputuskan dalam kes ini iaitu:

- 1) Sama ada keputusan Lembaga melucut dan menggantung jawatan Pemohon sebagai anggota Lembaga pada 14.09.2008 sah atau tidak?
- 2) Adakah tindakan Pemohon telah bertindak dengan cara memudaratkan kepentingan Koperasi?
- 3) Samada keputusan Mesyuarat Agung pada 29.06.2009 dengan majoriti undi 15 orang bersetuju dengan penggantungan tersebut, 1 orang tidak bersetuju dan 5 orang yang lain tidak mengundi dengan penggantungan tersebut sah atau tidak
- 4) Adakah Pemohon layak dilantik sebagai anggota Lembaga semasa beliau bertanding sebagai ALK didalam Mesyuarat Perwakilan Koperasi pada 2.6.2008
- 5) Apakah kedudukan Puan Shamsinah binti Suparman yang dilantik semasa tempoh penggantungan Pemohon oleh ALK?

Isu Pertama dan Kedua

Ahli Panel SKM berpendapat bahawa isu pertama dan isu kedua perlu dibincangkan bersekali kerana ia ada kaitan antara satu sama lain.

Ahli Panel SKM mendapati bahawa Responden telah mengeluarkan notis mesyuarat Anggota Lembaga untuk membincangkan tentang **tindakan tatatertib** terhadap Pemohon tanpa menjelaskan bahawa tindakan tersebut adalah berkaitan dengan penggantungan terhadap jawatan Lembaga Pemohon. Pihak Responden juga gagal untuk menjelaskan kepada Pemohon bahawa tindakan tersebut adalah berkaitan dengan UUK 38(2). Pihak Pemohon telah cuba mendapatkan kepastian tentang kesalahannya dengan lebih lanjut tetapi Responden gagal memberikan penjelasan kepada Pemohon. Sebagaimana UUK 22 (2) bagi penggantungan seorang anggota, begitu juga untuk menggantung seorang anggota Lembaga maka Responden seharusnya

diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas dan diberi peluang untuk menyatakan sebab-sebab mengapa jawatan Lembaga tidak boleh digantung. Oleh itu Responden telah gagal menyatakan dalam notis/surat mesyuarat dengan lebih jelas berkenaan tindakan Responden. Ahli Panel SKM berpendapat bahawa **tindakan tatatertib** seperti dalam notis adalah berbeza natijahnya jika tindakan penggantungan dibuat.

Ahli Panel SKM merujuk kepada UUK 38(2) yang menyatakan:

Menurut subseksyen 47(1) Akta, seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika –

- a) Sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan di bawah Akta atau Peraturan; atau
- b) Majoriti anggota-anggota Lembaga berpuas hati bahawa **anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi** ini menurut subperaturan 20(1) Peraturan.

Berdasarkan kepada notis/surat (**Rujuk P2 ms 62**) Responden kepada Pemohon terdapat tiga alasan tindakan tatatertib yang dibuat terhadap Pemohon. Setelah mengkaji tuduhan-tuduhan terhadap Pemohon didapati bahawa ketiga-tiga tuduhan di atas **tidak menunjukkan Pemohon** telah bertindak dengan cara memudaratkan kepentingan Koperasi. Ahli Panel SKM mengulas berdasarkan kepada keterangan saksi dan keterangan dalam dokumen seperti berikut:iaitu:

- a) Surat beliau bertarikh 13.08.2008, 15.08.2008 dan 21.08.2008

Dirujuk kepada Saksi SP1 yang **menafikan** bahawa P8 iaitu surat Pemohon bertarikh 13.08.2008, 15.08.2008 dan 21.08.2008 menjadi punca Pemohon digantung. Sebaliknya beliau menyatakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Pemohon dalam P8 telah pun diberi jawapan oleh Koperasi dengan surat-suratnya bertarikh 14.08.2008 dan

20.08.2008. Antara lain, apa yang telah menjadi punca pergantungan adalah Pemohon telah mengecilkan ahli Lembaga semasa mesyuarat agung perwakilan pada 2.06.2008.

Dirujuk juga kepada saksi SP4 berkaitan dengan surat-surat yang menjadi tuduhan di atas dan apabila disoal berkenaan dengan surat di atas SP4 menjelaskan bahawa: “.....Dalam surat bertarikh 20.08.2008 di ms 13 P1 Responden tidak benarkan taklimat tersebut diadakan. Dan **taklimat tersebut telah tidak diadakan**. Jadi sebenarnya, alasan surat-surat ini sebagai tuduhan kepada Pemohon adalah tidak berasas dan tidak menjejaskan kepentingan Koperasi apabila taklimat yang dicadangkan oleh Pemohon tidak diadakan dan Pemohon mematuhi arahan Setiausaha Responden. Ahli Panel SKM berpendapat bahawa surat-surat oleh Pemohon sebagai Lembaga hanyalah satu cadangan perniagaan kepada Responden dan amat digalakkan di kalangan Lembaga untuk mempertingkatkan aktiviti Koperasi.

- b) Mengaku menjadi Ahli Jawatankuasa Penentu Sah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2008 sedangkan namanya tidak tercatat.

Pemohon mengakui bahawa beliau telah menulis surat kepada Responden dan mempertikaikan catatan Setiausaha Responden tetapi isu ini juga tidak menjejaskan kepentingan Koperasi. Apa yang penting adalah Jawatankuasa Penentusahkan Minit telah bermesyuarat dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2008.

- c) Mengatakan Anggota Lembaga Koperasi 2007 sebagai rasuah dan akan mengambil tindakan serta membawa kes ke BPR dan SKM serta menganggap Anggota Lembaga Koperasi 2007 ada permainan dalam menyediakan akaun 2007

Pernyataan Pemohon di atas dirujuk kepada P2 ms 95 semasa membahaskan Agenda 8: Menimbang Usul-usul Anggota yang telah

diterima 5 hari sebelum tarikh mesyuarat agung perwakilan atau usul Anggota Lembaga iaitu:

“8.2.3.6.2 Saudara Tuan Haji Ishak Kamaruddin (N/A:47) meneruskan penentangannya terhadap pembelian yang dibuat oleh ALK dengan menyebut perkara-perkara di bawah:

- i. Beliau tidak ragu dengan tawaran harga DBKL
- ii. Beliau menganggap harga yang dibeli adalah mahal kerana ia dibuat oleh swasta
- iii. Semua orang tahu ekonomi dunia menghadapi masalah, kedai sepatutnya turun harga tidak seperti yang dibeli oleh ALK. ALK tidak bijak menguruskan pembelian dengan wang anggota-anggota
- iv. Beliau yakin pembayaran yang telah dibuat tanpa kelulusan ALK, Tidak ada dalam minit.
- v. **Beliau memberi ingatan akan mengambil tindakan lanjut termasuk membawa kes ini kepada pihak berwajib termasuk BPR dan SKM.**

”Pernyataan di atas adalah pernyataan yang dibuat oleh Pemohon di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 2008 bertarikh 2.06.2008 dan pada waktu pernyataan itu dibuat, Pemohon adalah seorang perwakilan dalam mesyuarat tersebut dan **masih belum dilantik sebagai Lembaga**. Sebagai perwakilan dalam mesyuarat, Pemohon mempunyai peranan dalam mesyuarat agung sebagaimana yang digariskan oleh Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2003: Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi (Rujuk P1 ms80) iaitu:

“Para 3.3 – Anggota atau perwakilan hendaklah menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dalam Mesyuarat Agung Tahunan kerana mereka **merupakan kuasa kawalan** yang utama **untuk menjaga kepentingan koperasi** pada masa hadapan. Peranan ini boleh

dilaksanakan oleh anggota atau perwakilan dengan mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

Semasa mengeluarkan pernyataan di atas, pengerusi mesyuarat, Tuan Hj Zainuddin bin Uda Ibrahim sebagai Pengerusi yang mempunyai kuasa menentukan perjalanan mesyuarat sebagaimana Etika Mesyuarat Agung yang digariskan tidak membuat teguran atas pernyataan ini.

Agak ganjil apabila perbahasan sebagai perwakilan diambil kira untuk menggantung jawatan sebagai Lembaga. Responden seharusnya memahami bahawa pelantikan sebagai Lembaga adalah pelantikan oleh perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai kuasa tertinggi dalam berkoperasi. Daripada pemerhatian Ahli Panel SKM bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Pemohon adalah semasa perbincangan dalam mesyuarat agung tahunan dan pernyataan tersebut bukan dibuat di luar mesyuarat agung atau di luar forum yang sepatutnya.

Responden telah membuat Pindaan UUK yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan pada 26.06.2007 iaitu:

UUK 36(e) : "Seseorang perwakilan tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga menurut seksyen 43 Akta, jika dia- selepas dua tahun Koperasi didaftarkan, belum genap tempoh **tiga tahun** menjadi anggota Koperasi ini"

Pada pandangan Ahli Panel SKM, pindaan UUK ini **bercanggah** dengan Seksyen 43 Akta berkenaan tempoh minimum dilantik sebagai anggota Lembaga yang menyatakan:

"Dari tahun ketiga pendaftaran sesuatu koperasi, tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Lembaga Koperasi itu melainkan jika dia telah menjadi anggota Koperasi itu bagi tempoh minimum **dua tahun**."

Ahli Panel SKM juga ingin menyentuh tentang pengundian oleh Lembaga

Responden untuk mendapatkan keputusan samada Pemohon digantung jawatan Lembagaanya iaitu:

- i. Ahli Panel SKM mendapati bahawa Pemohon telah mengundi bagi perkara yang mengenai dirinya sendiri dan ini tidak mematuhi UUK 43(2):

”Seseorang anggota Lembaga **tidak boleh mengundi dalam mana-mana perkara mengenai dirinya sendiri** atau perkara yang di dalamnya ia ada kepentingan peribadi.....”

- ii. Di samping itu, Pengerusi Koperasi, Tn Hj Kamaruddin bin Long tidak membuat pengundian. Sebagai Pengerusi, beliau berhak untuk membuat pengundian sebagai anggota Lembaga dan tiada halangan untuk sama-sama membuat pengundian bagi sebarang usul/cadangan dalam mesyuarat. Cuma sekiranya undi sama banyak, Pengerusi tidak mempunyai undi pemutus. Ini dinyatakan oleh UUK 31(1)

Isu Ketiga dan Isu Kelima

Ahli Panel SKM berpendapat bahawa isu ketiga dan isu kelima perlu dibincangkan bersekali kerana ia ada kaitan antara satu sama lain.

Ahli Panel SKM mendapati keputusan Mesyuarat Agung pada 29.06.2009 dengan majoriti undi 15 orang bersetuju dengan penggantungan tersebut, 1 orang tidak bersetuju dan 5 orang yang lain tidak mengundi dengan penggantungan adalah tidak teratur. Terdapat beberapa kepincangan dalam pengendalian dalam menjalankan mesyuarat tersebut.

Kehadiran perwakilan dalam mesyuarat tersebut boleh dipertikaikan dan tidak layak menghadiri mesyuarat agung perwakilan tahunan tersebut serta membuat pengundian. Didapati 2 orang anggota Lembaga baru termasuk dalam senarai kehadiran iaitu Saudari Samsinah binti Suparman (N/A: 128) dan Hjh Halimah bt Hj Samsudin (N/A: 56). Berkenaan dengan pelantikan Saudari Samsinah bin Suparman, Setiausaha Responden menyatakan (Rujuk R16 ms9 para 3.40):

“Saudara Tuan Haji Ahmad bin Ghani menyatakan rasa terkilan tentang apa yang disentuh mengenai kedudukan Puan Samsinah binti Suparman seperti yang dibangkitkan oleh Saudara Ishak bin Kamaruddin. Sebenarnya Saudara Ishak bin Kamaruddin memang tidak boleh kekal sebagai Anggota Lembaga selain dari apa yang telah dilakukannya, beliau masih lagi belum genap 3 tahun menjelaskan saham penuhnya. **Dari itu kita berpendapat penggantungannya adalah mutlak**, Maka dengan itu seorang pengganti perlu dicari bagi mengisi kekosongan itu, Dari senarai wakil-wakil pada ketika itu Saudari Puan Samsinah binti Suparman memenuhi syarat”

Tindakan pelantikan ini tidak bersesuaian. Lembaga tidak mempunyai kuasa untuk membuat pelantikan Lembaga baru. Tambah lagi Mesyuarat Agung Perwakilan masih belum mengambil keputusan mengenai kedudukan Pemohon. Hanya Mesyuarat Agung Perwakilan yang boleh mengesahkan dan mengeneipkan keputusan Lembaga. Lembaga telah mendahului keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan dalam melantik Puan Samsinah binti Suparman dan bercanggah dengan UUK 39(1) yang menyatakan:

“Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 36, **mesyuarat agung hendaklah mempunyai kuasa** menurut subperaturan 16(2) Peraturan, untuk menamatkan perlantikan mana-mana anggota lembaga yang dipilih di bawah undang-undang kecil 34 daripada jawatannya pada bila-bila masa dan memilih gantinya atau menamatkan perlantikan kesemua anggota Lembaga itu dan memilih anggota-anggota Lembaga yang baru dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan perlantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung di adakan”.

Berhubung dengan pengundian mesyuarat agung perwakilan didapati wakil-wakil yang menghadiri mesyuarat tidak membuat pengundian terutamanya Jawatankuasa Audit Dalaman. Sebagaimana UUK 25(9) menyatakan:

“Seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalam **hendaklah dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan.....**”

Berikutan itu, pengundian bagi Agenda 3 adalah tidak lengkap dan tidak mematuhi peruntukan UUK di atas dan terdapat kecacatan ketara.

Isu Keempat

Responden telah mengedarkan semasa Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi Khas yang diadakan pada 14.09.2008, Lampiran ‘A’ yang merupakan tuduhan tambahan iaitu berkenaan dengan rekod keanggotaan Pemohon yang menyatakan bahawa Pemohon tidak layak untuk dilantik sebagai Lembaga semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan pada 2.06.2008. Ahli Panel SKM setelah mengkaji isu ini mendapati bahawa Responden dalam Butiran Jawapan (Rujuk P2 ms 4) menjelaskan bahawa:

“Dalam melaksanakan UUK 55(1) koperasi telah memberi peluang yang panjang untuk semua anggota yang syernya kurang RM1,500.00 untuk menambahkan syer ke tahap jumlah minima. Setelah beberapa lama dan kali diingatkan maka sehingga 20.02.2009 semua anggota-anggota yang tidak cukup syer minima diberi peringatan terakhir dan mereka diberi tempoh sehingga 31.03.2009 dan sekiranya mereka gagal mereka dianggap menarik diri daripada anggota koperasi ini berkuatkuasa 01.04.2009”

Pemohon telah mencukupkan syer minima RM1,500 pada 26.10.2007. sebagaimana salinan muka surat Buku Rekod Syer. (Rujuk P2 ms 111). Jika diteliti keseluruhan anggota-anggota yang layak dan yang tidak layak maka terdapat anggota yang tidak layak yang telah melaksanakan hak dan tanggungjawab sebagai anggota dalam mesyuarat agung tahunan dan menerima dividen koperasi. Oleh itu, Ahli Panel SKM berpandangan bahawa isu ini boleh diselesaikan dengan bijaksana Responden.

Keputusan Panel:

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dibincangkan di atas, Ahli Panel SKM mencadangkan agar Tribunal membuat Perintah seperti berikut:

1. Keputusan Lembaga menggantung jawatan Pemohon pada 14.09.208 adalah tidak teratur dan tidak sah. *Status quo* Pemohon sebagai Lembaga adalah dikekalkan;
2. Keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan pada 26.06.2009 untuk menggantung jawatan Pemohon adalah tidak teratur dan tidak sah;
3. Perbahasan Pemohon dalam Mesyuarat Agung Perwakilan pada 2.06.2008 sebagai perwakilan adalah mematuhi Etika Mesyuarat Agung;
4. Pelantikan Puan Samsinah binti Suparman dibatalkan; dan
5. Kos kepada Responden

Bertarikh: 24 November 2010.

Disediakan Oleh,

TN HJ IBRAHIM BIN HAJI KASAH
Anggota Panel SKM